



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 24 SEPTEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	INDSUTRY PLAYER AGREE TO FURTHUR REDUCES CHICKEN PRICE, NEWS ON 2-TV2 KPDNHEP, MAFI SETUJU TURUNKAN HARGA AYAM, BAGI PASTIKAN HARGA BORONG DAN RUNCIT KEKAL STABIL, BERITA.RTM-ONLINE HARGA AYAM TURUN BERPERINGKAT! KERAJAAN SETUJU TELITI DAN STABIL HARGAI, KITA REPORTERS-ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4.	MAQIS RAMPAS 108KG HERBA CINA, SINAR HARIAN-ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
5. 6. 7.	PESAWAH DIMINTA PATUH JADUAL PENANAMAN PADI, HARIAN METRO-ONLINE PATUH JADUAL TANAM PADI MUSIM 2/2021-MADA, BERITA HARIAN-ONLINE LEBIH 600 HEKTAR PADI DI PERLIS REBAH, BULETIN PAGI-TV3	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23. 24. 25.	HARGA BARANG BASAH KINI NAIK, NEGARA, KOSMO-11 PELANGGAN KATA MAIN-MAIN HARGA-PENING PASAR, NEGARA-KOSMO-11 PRICE OF CHICKEN HIKE MEAT DROPPING, NATION, THE STAR-8 JAMIN BEKALAN SAYUR TAK TERJEJAS, LOKAL, HM-8 "PERISAI" BUAH BERASAS HERBA, LOKAL-HM10 EKSEKUTIF PETRONAS KINI PETANI MODEN, LOKAL, HM-10 HARGA AYAM TURUN TAPI MASIH MAHAL, NEGERI TERENGGANU, KELANTAN-SH-27 KPDNHEP BERI JAMINAN BEKALAN SAYUR SELURUH NEGARA MECUKUPI, NASIONAL-SH-12 BEKALAN SAYUR -SAYURAN TURUN DARI CAMERON HIGHLAND TIDAK TERJEJAS, NEGARA, KOSMO-16 PENDUDUK KAMPUNG RESAH DISERANG LALAT, DALAM NEGERI, UM-32 CAMERONS LANDSLIDES HAS NOT AFFECTED VEGETABLE SUPPLY, SAYS MINISTRY, FREE MALAYSIA TODAY-ONLINE KESELAMATAN MAKANAN DI ERA COVID-19 : CABARAN DAN PRIORITI, HARAKAH DAILY-ONLINE RUMAH POKOK, ILHAM EKSEKUTIF BERJINAK DENGAN TANAMAN CILI, BERNAMA.COM-ONLINE DEEP INTEREST PROMPTS PETRONAS EXECUTIVE TO VENTURE INTO CHILI FARMING, BERNAMA.COM-ONLINE SELESAI ISU HARGA AYAM, NASIONAL, BH-14 HARGA AYAM, SAYUR RESAHKAN PENGGUNA, LOKAL, HM-18 BEKALAN SAYUR DIJAMIN TIDAK TERJEJAS, NASIONAL, BH-14 KUIL HINDU DI TAMPOI, JOHOR, USAHA TANAM CHILI HIJAU SEBAGAI SALURAN PENDAPATAN, BUSINESS NEWS, NANYANG-A2	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/9/2021	TV2	NEWS ON 2	

Industry Players Agree To Further Reduces Chicken Price



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/9/2021	BERITA.RTM	ONLINE	

KPDNHEP, MAFI setuju turunkan harga ayam, bagi pastikan harga borong dan runcit kekal stabil



PUTRAJAYA, 23 September - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bersetuju menurunkan lagi harga ayam di peringkat pengeluar serta ladang supaya harga borong dan runcit kekal stabil. Ia sekaligus dapat membantu pengguna untuk menikmati harga ayam yang berpatutan.

KPDNHEP dan MAFI melalui kenyataan berkata, hasil daripada perbincangan yang diadakan kedua-dua Kementerian bersetuju untuk meneliti beberapa cadangan bagi menstabilkan harga ayam. Antaranya, pemberian kemudahan pinjaman mudah bagi membantu pengeluaran ayam yang mencukupi serta menangani isu peningkatan kos pengeluaran berikutan kenaikan harga komponen makanan ayam yang diimport.

Justeru, KPDNHEP akan meneruskan tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan akan mengambil tindakan tegas jika terdapat pihak yang sengaja mengambil keuntungan secara tidak munasabah atau mencatut terutama di dalam situasi semasa ketika ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/9/2021	KITA REPORTERS	ONLINE	

Harga ayam turun berperingkat! Kerajaan setuju teliti dan stabil harga!



PIHAK industri telah bersetuju menurunkan lagi harga ayam pada peringkat pengeluar serta ladang, supaya harga pada peringkat borong dan runcit dapat distabilkan dan membantu pengguna menikmati harga ayam yang berpatutan.

Perkara itu dimaklumkan dalam kenyataan bersama dikeluarkan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Menurut kenyataan itu, dalam mesyuarat antara kedua-dua kementerian itu, kerajaan juga bersetuju untuk meneliti beberapa cadangan daripada pihak industri berkaitan usaha menstabilkan harga ayam.

Antaranya adalah pemberian kemudahan pinjaman mudah bagi membantu industri mengekalkan jumlah pengeluaran ayam yang mencukupi dan menangani isu peningkatan kos pengeluaran berikutan kenaikan harga komponen makanan ayam yang diimport.

Kerajaan juga akan mempertimbangkan kawalan harga di semua peringkat, disokong dengan pemberian subsidi kepada rantaian tertentu sebagai salah satu usaha menangani isu kenaikan harga ayam, katanya.

Turut dipertimbangkan ialah cadangan melaksanakan sistem permohonan permit (AP) bagi penjualan ayam sekiranya usaha kerajaan untuk menangani isu harga ayam tidak mendapat kerjasama daripada peniaga di semua peringkat.

KPDNHEP dan MAFI juga akan memantau rapi isu kenaikan harga ayam standard yang berlaku sejak awal bulan ini iaitu harga runcit didapati melebihi RM10 sekilogram di beberapa kawasan. - **KitaReporters**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/9/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Maqis rampas 108kg herba Cina.

BUTTERWORTH - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang merampas 108 kotak herba Cina yang dibawa masuk dari China di Pelabuhan Pangkalan Kontena Butterworth (NBCT) di sini pada Rabu.

Pengarah Maqis Pulau Pinang, Muhammad Ikram Abd Talib berkata, barang dagangan seberat 108 kilogram (kg) itu dirampas kerana tidak mempunyai permit import yang dikeluarkan oleh Maqis.

Menurutnya, penemuan produk herba Cina itu hasil pemeriksaan anggotanya terhadap sebuah kontena di tapak pemeriksaan kastam NBCT kira-kira jam 3.50 petang.

"Pemeriksaan rutin yang dilakukan itu membawa kepada rampasan herba Cina jenis Yushania Qiaojaensis seberat 108kg yang dianggarkan bernilai RM2,484.



Pegawai Maqis melakukan pemeriksaan kontena yang membawa herba Cina.

"Kegagalan mengemukakan permit import Maqis yang sah adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3) akta sama," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Khamis.

Pegawai Maqis melakukan pemeriksaan kontena yang membawa herba Cina.

Muhammad Ikram berkata, jika disabitkan kesalahan pihak yang bertanggungjawab atas barang dagangan itu boleh dihukum denda sehingga RM100,000 atau penjara maksimum enam tahun atau kedua-duanya sekali.



Herba cina jenis Yushania Qiaojiaensis seberat 108kg yang dianggarkan bernilai RM2,484 dirampas di Pelabuhan Pangkalan Kontena Butterworth (NBCT) pada Rabu.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa bersedia untuk melakukan penguatkuasaan di semua pintu masuk negara bagi memastikan komoditi haiwan, pertanian dan ikan yang masuk atau keluar dari negara ini mematuhi syarat serta peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/9/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Pesawah diminta patuh jadual penanaman padi



Alor Setar: Semua 57,635 pesawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Kedah dan Perlis diminta untuk mematuhi jadual penanaman padi musim 2/2021 yang bermula pada 15 September lalu hingga 4 November depan.

Pengurus Besar MADA, Kamaruddin Dahuli, berkata pesawah perlu mengikut tiga

fasa jadual yang ditetapkan di kawasan masing-masing bagi memudahkan pengurusan sokongan bekalan pengairan untuk pertanian. "Proses menabur benih bagi fasa satu sudah bermula pada 15 September lalu dan berakhir pada 15 Oktober ini dan fasa dua bermula 25 September hingga 25 Oktober.

"Bagi fasa tiga pula proses menabur benih akan bermula 5 Oktober hingga 4 November depan. Keputusan ini dibuat selepas mencapai persetujuan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bekalan Air dan Penanaman Padi (MJBAPP) bagi Musim 2/2021 yang dianggotai oleh MADA dan pemimpin peladang Kawasan Muda," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Kamaruddin, berkata penentuan jadual itu dibuat setelah pihak MADA mengambil kira beberapa faktor seperti ramalan sumber air sepanjang tahun termasuk takungan air di empangan, aliran sungai, turunan hujan di kawasan sawah dan guna semula air saliran. Selain itu, katanya MADA juga mengambil kira faktor ramalan pencapaian aktiviti penuaian bagi Musim 1/2021, varieti dan tempoh matang padi serta masalah penyakit serta perosak padi

"Pesawah dipohon untuk memaksimumkan penggunaan air hujan di kawasan bendang untuk kegunaan aktiviti penanaman padi. "Ini berikutan mengikut ramalan jangka panjang turunan hujan yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia, turunan hujan untuk bulan Oktober hingga Disember nanti adalah pada kadar purata," jelas beliau.

Mengulas lanjut, Kamaruddin berkata bekalan Benih Padi Sah (BPS) bagi Musim 2/2021 akan dipasarkan melalui 27 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA. Katanya, pesawah juga boleh mendapatkan bekalan BPS daripada agen atau individu yang mempunyai lesen atau surat kebenaran khas menjual BPS dengan harga siling RM35 bagi setiap beg.

"Peladang dinasihatkan untuk menggunakan BPS sahaja bagi tujuan penanaman padi dan sentiasa mengamalkan amalan pertanian baik serta mengikut Senarai Semak Penanaman Padi (Rice Check) bagi membolehkan potensi hasil yang maksimum dapat dihasilkan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/9/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Patuh jadual tanam padi musim 2/2021 - MADA



ALOR SETAR: Keseluruhan 57,635 pesawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Kedah dan Perlis, diminta mematuhi jadual penanaman padi musim 2/2021 yang bermula 15 September lalu hingga 4 November depan.

Pengurus Besar MADA, Kamaruddin Dahuli, berkata pesawah perlu mengikut tiga fasa jadual ditetapkan di kawasan

masing-masing bagi memudahkan pengurusan sokongan bekalan air untuk pertanian. "Proses menabur benih bagi fasa satu bermula 15 September lalu dan berakhir 15 Oktober, manakala fasa dua akan bermula 25 September hingga 25 Oktober depan.

"Bagi fasa tiga pula, proses menabur benih akan bermula 5 Oktober hingga 4 November depan. "Keputusan ini dibuat selepas mencapai persetujuan pada Mesyuarat Jawatankuasa Bekalan Air dan Penanaman Padi (MJBAPP) bagi Musim 2/2021 yang dianggotai MADA serta pemimpin peladang Kawasan Muda," katanya dalam satu kenyataan, di sini, hari ini.

Kamaruddin berkata, jadual itu ditentukan selepas MADA mengambil kira beberapa faktor seperti ramalan sumber air sepanjang tahun, termasuk takungan air di empangan, aliran sungai, hujan di kawasan sawah dan guna semula air saliran.

Selain itu, beliau berkata, MADA juga mengambil kira faktor ramalan pencapaian aktiviti penuaian bagi musim 1/2021, varieti dan tempoh matang padi, serta masalah penyakit dan perosak padi. "Pesawah dimohon memaksimumkan penggunaan air hujan di kawasan bendang untuk kegunaan aktiviti penanaman padi.

"Ini berikutan mengikut ramalan jangka panjang hujan yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia, hujan pada Oktober hingga Disember depan adalah pada kadar purata," katanya. Menjelaskan lanjut, Kamaruddin berkata, bekalan benih padi sah (BPS) bagi musim 2/2021 pula akan dipasarkan melalui 27 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA.

Beliau berkata, pesawah juga boleh mendapatkan bekalan BPS daripada ejen atau individu yang memiliki lesen atau surat kebenaran khas menjualnya pada harga siling RM35 bagi setiap beg. "Peladang dinasihat menggunakan BPS saja bagi tujuan penanaman padi dan sentiasa mengikut amalan pertanian baik serta Senarai Semak Penanaman Padi (Rice Check), bagi meraih potensi hasil yang maksimum," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/9/2021	TV3	BULETIN PAGI	

Lebih 600 Hektar Padi di Perlis Rebah



Pengguna terkesan selepas sektor ekonomi dibuka semula

Harga barang basah kini naik

PETALING JAYA – Selepas pembukaan semula sektor ekonomi dan pelancongan ketika pandemik Covid-19 di samping peralihan fasa di beberapa buah negeri, kenaikan harga barang keperluan pula kini menimbulkan keresahan dalam kalangan orang ramai.

Pengguna mulai risau apabila harga barang basah terutama barangan keperluan untuk memasak seperti ayam, ikan, telur, cili dan sebagainya tidak konsisten.

Tinjauan Kosmo di pasar-pasar beberapa negeri menunjukkan berlaku kenaikan harga barang terutama barangan basah untuk memasak harian.

Di Alor Setar, Kedah harga dikatakan tidak konsisten dan memberi kesan kepada pengguna yang membeli di pasar basah dan pasar raya.

Seorang pengguna, Sunita Jaini, 45, berkata, dia yang juga seorang peniaga kedai makan rasa terbeban dengan kenaikan beberapa barangan tersebut.

"Saya mendapati harga telur gred A, B dan C yang selalu saya guna naik hingga RM1 ke RM2 seapan iaitu dari RM12 hingga RM13.10 (gred A), RM10.80 kepada RM12 bagi gred B dan naik hingga RM11.20 bagi gred C.

"Selain itu, harga ayam juga masih melebihi RM9 sekilogram sejak awal bulan ini berbanding RM7 sekilogram sebelum ini," jelasnya.

Di Kota Bharu, Kelantan pula, harga cili merah di Pasar Besar Siti Khadijah dan Pusat Transformasi Bandar, Tunjong di sini didapati naik sehingga RM9 sekilogram (kg) berbanding sebelumnya.

Harga cili dijual pada harga



HARGA barang keperluan didapati naik di pasar besar Putrajaya.

RM9 sekilogram berbanding sebelumnya ini hanya RM4 hingga RM6 bergantung kepada gred.

Di Putrajaya, harga kubis bunga turut naik apabila dijual sekitar harga RM12 sekilogram, berbanding hari-hari biasa iaitu RM9.

Menurut peniaga, Adnan Ismail, 50, kenaikan harga tersebut telah berlaku sekurang-kurangnya sejak dua minggu lalu dan tidak dapat dipastikan mengapa ia berlaku.

"Selain kubis bunga, sayur-sayuran seperti sawi juga naik sedikit harganya. Biasanya saya jual sekitar RM3.50 sekilogram, namun kini harga jualannya ialah RM5.

Bagi peniaga ikan, Shamsul Azhar Osman, 29, pula, harga jualan makanan laut seperti ikan



HARGA cili naik kepada RM9 sekilogram di Kota Bharu semalam.

kembung dan sotong tidak begitu berbeza kecuali udang bersaiz besar yang kini dijual dengan harga RM45 sekilogram.

Di Pasar Besar, Klang, Sela-

ngor pula harga ikan bilis yang menjadi sajian peniaga menjunai naik lemak naik RM2 sekilogram. Harga ikan kembung naik kepada RM18 sekilogram berbanding

Harga barang keperluan di Pasar Raja Bot, Kuala Lumpur

Barang	Harga per Kilogram
• Ikan kembung	RM15
• Pelaling	RM7-RM9
• Tenggit	RM35
• Ayam	RM9
• Daging	RM36-RM50
• Telur gred A	RM13.50
• Telur gred B	RM12.90
• Telur gred C	RM12
• Bekas plastik pakai buang (50 biji)	RM20.90-RM21.80
• Bekas polisterin plastik saiz M (100 biji)	RM14.90
• Pembalut makanan (70 helai)	RM4-RM8.40
• Ikan bilis belum kupas	RM36-RM48
• Ikan bilis sudah kupas	RM44-RM72
• Sardin (Ayam Brand) 155 gram	RM3.80-RM4.30
• Mi segera (Maggi)	RM3.90
• Cili kecil	RM8-RM16
• Cili kering	RM14.90-RM18

ding sebelum ini RM16 selain telur Gred A mengalami kenaikan sebanyak 60 sen apabila dijual RM1 sebil.

Seorang suri rumah, Sofia Zarina Anwar, 30, berkata, kenaikan itu menyebabkan dia terpaksa menambah perbelanjaan hariannya sebanyak RM10 ketika membeli barangan keperluan tersebut.

"Walaupun jumlah itu nampak kecil, namun setiap wang amat bermilai ketika masih ramai terkesan akibat pandemik Covid-19," ujarnya.

Pelanggan kata kami main-main harga – Peniaga pasar

Oleh SITI AMINAH MOHD YUSOF

KUALA LUMPUR – Situasi naik turun harga barangan basah dan kering membuatkan peniaga sendiri berasa serba salah apabila mereka seolah-olah dituduh sengaja memanipulasi harga demi mendapat keuntungan lebih.

Tinjauan Kosmo di Pasar Raja Bot atau lebih dikenali sebagai Pasar Chow Kit di ibu kota mendapati majoriti peniaga memaparkan harga yang jelas mengikut jenis barangan bagi memudahkan pengguna membuat perbandingan harga sesuai dengan isi dompet masing-masing.

Seorang peniaga ayam, Mohammad Ismail Samidar, 55, ber-



HARGA barang keperluan dikatakan naik di Pasar Raja Bot, Kuala Lumpur semalam.

kata, harga ayam standard semalam kekal RM9 sekilogram selepas naik sehingga RM9.50

pada minggu lalu dengan harga seekor ayam pada harga borong yang diperoleh dari pembekal

dari Kedah, Selangor dan Perak sekitar RM8.30 sekilogram.

"Kami untung tidak seberapa. Macam hari ini (semalam) untung cuma 70 sen untuk ayam daging standard. Belum masuk kos plastik. Tetapi peniaga selalu kena hentam. Kata kami main-main harga.

"Sekarang kalau ayam gemuk-gemuk begini seekor harga dia boleh capai lebih RM20. Saya faham bukan semua orang senang. Sedih lihat situasi begini. Alhamdulillah kami dapat untung sedikit sudah syukur," katanya ketika ditemui Kosmo semalam.

Seorang pelanggan, Mariana Osman, 44, berkata, dia dan suaminya Saifuldin Sitam, 44, biasanya membeli barangan basah

dan kering di pasar berkenaan seminggu sekali dan memperuntukkan lebih RM100 setiap kali keluar berbelanja.

"Saya tengok sayur-sayuran dan ada buah-buah tertentu masih agak murah. Tetapi ayam, ikan, daging agak mahal bagi kami.

"Saya hanya suri rumah dan suami kerja pemandu. Jadi kami memang buat kira-kira yang teliti sebelum beli barang," ujar ibu kepada empat anak itu.

Dalam pada itu, Mohd Henzy Rahim, 39, berkata, pengguna seperti ini tidak banyak pilihan dalam berdepan cabaran peningkatan kos sara hidup yang tinggi tambahan pula ia melabatkan barangan keperluan harian.

PRICE OF CHICKEN MEAT DROPPING

By M. MAGESWARI
mages@thestar.com.my

Ministry says it takes up to two months for full supply to be restored

CHICKEN being white meat is the preferred source of protein for most Malaysians.

As chicken is widely consumed locally, the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry has taken measures to stabilise the price of poultry meat following feedback from the public regarding the recent price increase.

According to the ministry, several factors had contributed to the rise in chicken meat price – higher cost of imported chicken feed, namely soy and corn which are its main composition, on top of locally-sourced palm oil; higher production costs at farm level; and higher demand for poultry meat due to the reopening of economic sectors.

Currently, the price of a standard bird (cleaned) is between RM10 and RM11.50 per kg, while previously it was sold at RM8 to RM9 per kg.

As certain hypermarkets have offered chicken meat at RM6 to RM8 per kg, consumers have highlighted this pricing disparity and questioned the freshness of the meat.

The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry assures that its officers monitor the price of chicken meat nationwide and conduct checks on retailers.

The ministry found that the price hike coincided with more states moving to the second phase of the National Recovery Plan (NRP).

The main reason is the higher price of imported chicken feed, compounded by the fact that almost 80% of chicken feed used in the country is imported and this impacts production costs at farm level.

Also, during the MCO period, chicken breeders reduced meat supply due to lower demand. The reopening of 11 economic sectors under Phase One of the NRE, and more states moving to Phase 2, saw an increase in demand for chicken meat.

Preventive measures

Measures taken by the ministry to ensure that consumers will not be burdened with pricier chicken meat include:

- > Direct sessions with chicken breeders, suppliers and wholesalers to prevent any pressure pertaining to chicken price.

- > Enforcement officers to check on various points in the poultry distribution chain.

- > Issuance of notices to chicken breeders and wholesalers detailing factors that contribute to price hike of chicken meat at retail level.

- > Issuance of notices to chicken sellers on pricing and costs for a reasonable profit margin.

- > Chicken sellers to display their business records throughout their operations.

- > A taskforce to curb chicken price increase in the market and monitor complaints.

- > Constant dialogue with Agriculture and Food Industries Ministry to ensure costs of imported chicken feed and chicken breeds be minimised.

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said that while there is no plan to implement price control on chicken meat for now, the ministry may enforce this measure if prices at every level of the distribution chain continue to go up unreasonably.

Currently, the price of poultry



Standard chicken (cleaned) is sold at RM8.20 per kg at this wet market in Alor Star.



Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry enforcement officers checking on a wet market offering standard chicken (cleaned) at RM9.50 per kg.



A retailer selling standard chicken (cleaned) at RM8.90 per kg.



Enforcement officers checking on chicken meat prices at a wet market in Alor Star.



This wet market vendor sells standard chicken (cleaned) at RM9 per kg.

Kit (Kuala Lumpur), Kelantan, Alor Star, Sungai Petani (Kedah) and Penang, the price of chicken meat has levelled off at RM8.20 to RM9.50 per kg at wet markets in these areas.

Up to Sept 14, the enforcement officers have checked 164 retail outlets.

Some 163 notices have been issued to chicken vendors detailing operational and purchase costs, while 140 reminders have been forwarded to poultry distributors to not raise prices drastically.

Under Section 14(1) of the Price Control and Anti-Profit Earning Act 2011, chicken sellers and wholesalers who are guilty of unjustified price hikes can be fined up to RM500,000 for a corporation or company and up to RM100,000 for an individual, or jailed up to three years, or both.

Consumers' choice

The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry is aware that chicken meat is priced at RM10 per kg at certain wet markets due to the vendors incurring

higher costs due to lower sales, while chicken meat is sold at RM8 per kg at certain hypermarkets.

The ministry said consumers have a choice of supporting their local chicken vendors and keep them in business.

Alternatively, they can buy the meat cheaper at hypermarkets which are able to offer lower prices due to them buying in bulk from chicken breeders.

The ministry encourages consumers to use the Price Catcher mobile app which helps consumers find the cheapest prices for daily necessities by comparing prices at business premises near their residence.

On the freshness of chicken meat at hypermarkets, the ministry said the operators have to adhere to proper packaging, freezing and storage conditions.

The ministry urged consumers to be patient over the price of chicken meat, as it takes up to two months to restore full supply of poultry meat in the market, because chicken eggs take three weeks to hatch in order for farms to increase the production.

meat is capped along with a list of other essential food items during festive seasons.

Enforcement action

Following enforcement action by ministry officers in Perak, Chow

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/9/2021	HARIAN METRO	LOKAL	18

Jamin bekalan sayur tak terjejas

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan sayur-sayuran bagi pasaran tempatan tidak terjejas susulan kejadian tanah runtuh di Jalan Simpang Pulai-Blue Valley menghala ke Cameron Highlands, Pahang.

Perkara ini dimaklumkan KPDNHEP melalui kenyataan media semalam menyatakan pihaknya sudah menghubungi Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Kinta dan menyatakan Jalan Persekutuan FT 059 Jalan Taph, Cameron Highlands dikenal pasti sebagai laluan alternatif untuk membawa hasil ladang Cameron Highlands dan kawasan sekitarnya ke pusat-pusat pengedaran di seluruh negara.

Menurutnya, pengguna dan peniaga yang menggunakan bahan mentah itu diminta tidak panik dan situasi ini tidak boleh dijadikan alasan oleh peniaga sayur-sayuran untuk menaikkan harga di pasaran.

Katanya, berdasarkan pemeriksaan yang dijalankan Penguat Kuasa KPDNHEP pada 21 September lalu ke atas 685 premis meliputi semua rantaian bekalan iaitu di peringkat pengeluar,

pemborong dan peruncit, mendapati bekalan sayur-sayuran di pasaran adalah stabil dan mencukupi.

“Kenaikan harga lima jenis sayur seperti dilaporkan media seperti sawi, cili, lada benggala dan beberapa jenis salad adalah kes lokaliti dan tiada kena mengena dengan kejadian tanah runtuh yang berlaku.

“Perkara ini disahkan oleh Setiausaha Agung, Persekutuan Persatuan-Persatuan Pekebun Sayur Malaysia, Chay Ee Mong. Harga sawi yang naik dan turun bergantung kepada permintaan dan harga akan stabil sekiranya cuaca sudah pulih.

“Peniaga sayur dinasihatkan tidak menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya dan pengguna diminta untuk turut sama memantau serta menyalurkan maklumat dan aduan secara rasmi berkaitan salah laku peniaga yang melanggar undang-undang melalui saluran aduan KPDNHEP.

“Aduan boleh disalurkan melalui aplikasi WhatsApp 019-279 4317, portal e-aduan.kpdnhep.gov.my, pusat panggilan 1-800-886-800, e-mel-aduan@kpdnhep.gov.my,” katanya.

Kuala Lumpur

Enggan lagi melihat buah-buahan dibazirkan akibat tidak tahan lama dan cepat rosak, seorang graduan dalam bidang teknologi maklumat berjaya mencipta label pelekat yang boleh memanjangkan tempoh kesegaran dengan melindunginya daripada ancaman kulat dan penyakit.

Zhafri Zainuddin, 37, berkata, label pelekat yang dinamakan StixFresh itu adalah teknologi berasaskan pelekat inovatif yang mampu memanjangkan jangka hayat hingga dua ke tiga kali lebih lama dengan cara semula jadi bergantung kepada jenis buah-buahan.

"Idea tercetus hasil daripada pengalaman saya ketika terlibat dalam perniagaan menjual buah-buahan tempatan di Seremban. Ketika itu, saya kerap alami pembaziran dan rugi disebabkan perlu urus buah-buahan rosak dan tidak tahan lama," katanya.

Mengaplikasikan konsep menjana kekayaan daripada bahan buangan, Zhafri yang juga pengasas bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif StixFresh International Sdn Bhd bertapak di Senawang, Negeri Sembilan berkata, label pelekat itu menggunakan sebatian anti-mikroba secara semula jadi yang dihasilkan tumbuhan-tumbuhan bertujuan untuk melindungi buah-buahan.

"Ia dibangunkan dengan teknologi salutan menerusi kaedah mengekstrak tumbuhan dan herba yang diletak

PELEKAT StixFresh boleh digunakan untuk beberapa jenis buah-buahan tempatan.



'Perisai' buah berasas herba

Graduan IT cipta pelekat inovatif mampu panjangkan jangka hayat buah

pada label pelekat bagi membolehkan ia bertindak sebagai *diffusion material*, sekali gus melindungi buah-buahan daripada pertumbuhan kulat yang agresif, semasa penjualan dan penghantaran seterusnya memanjangkan tempoh kesegarannya," katanya.

Katanya, bahan digunakan di dalamnya dikategorikan

sebagai GRAS (*Generally Recognized as Safe*) yang mematuhi piawaian Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan Amerika Syarikat (USFDA), bahkan teknologi pelestarian kesegaran ini juga didaftarkan dengan *World Intellectual Property Organization* (Wipo).

"Bagi saya, label pelekat tidak seharusnya digunakan

sebagai dekorasi semata-mata dan teknologi ini dibangunkan bagi membantu pengguna dan industri, dalam mencari penyelesaian selaras dengan matlamat membantu mengurangkan pembaziran *from farm to fork*," katanya.

Malah, Zhafri yang berasal dari Kuala Lumpur berkata proses penyelidikan dan

pembangunan (R&D) bagi teknologi StixFresh mendapat sokongan padu daripada Jabatan Pertanian Negeri Sembilan (JPNS) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti).

"Bukan mudah membangunkan sesuatu teknologi dan ia memakan masa tiga tahun untuk menjadikan ia matang dan diterima dalam pasaran dan kami dalam fasa memohon *Strategic Research Fund* daripada Mosti.

"Kami giat merangka peluang kerjasama dengan Fakulti Sains dan Teknologi Makanan Universiti Putra



Bukan mudah membangunkan sesuatu teknologi dan ia memakan masa tiga tahun untuk menjadikan ia matang dan diterima dalam pasaran"

Zhafri

Malaysia, bagi menambah nilai teknologi ini seterusnya memperkukuhkan lagi posisinya di pasaran tempatan dan global," katanya.

Bagaimanapun, Zhafri berkata, buat masa ini, label pelekat ini hanya boleh digunakan untuk beberapa jenis buah-buahan tempatan seperti mangga, betik dan buah naga selain merancang meluaskan penggunaan teknologi ini kepada buah-buahan lain yang premium seperti *Japanese pear* dan spesies Melon.

"Kami akan *tackle* buah bersaiz kecil seperti strawberi dan anggur namun bukan melalui label pelekat sebaliknya lebih kepada penggunaan semburan cecair bergred makanan yang selamat digunakan dan tidak mengandungi bahan yang merbahaya.

"Kami berhasrat membangunkan uncang dan pembungkusan pintar untuk kegunaan sayur-sayuran," katanya yang bercadang untuk mengusahakan perniagaan buah-buahan yang menggunakan teknologi StixFresh, sebagai satu nilai tambah.

Cyberjaya: Di tanah seluas suku ekar berdekatan Taman Pinggiran Cyber di sini, kelihatan deretan pokok cili dalam polibeg dengan teknik fertigasi diusahakan Sharil Azrin Damli, seorang eksekutif di Petronas.

Berjinak dengan tanaman cili secara fertigasi di kawasan rumah dengan 20 pokok cili pada permulaannya, Sharil Azrin, 31, mendapat ilham mengusahakan Rumah Pokok iaitu sebuah kebun komuniti yang diusahakan secara kecil-kecilan bagi tujuan komersial sejak Jun 2020.

Bercakap dengan Bernama baru-baru ini, bapa kepada dua anak itu berkata minat untuk bercucuk tanaman timbul sejak beliau berumur 18 tahun dan kini ia dapat direalisasikan menerusi Rumah Pokok.

"Kerjaya saya memerlukan saya 'terbang' ke luar negara, namun akibat kekangan pandemik Covid-19, saya ada lebih masa di rumah di samping keluarga.

Eksekutif Petronas kini petani moden



SHARIL menunjukkan terung dan cili diusahakan di Rumah Pokok.

"Jadi, peluang ini digunakan sebaliknya bagi memberikan fokus kepada Rumah Pokok walaupun bekerja sepenuh masa," katanya yang dibantu isterinya Nurul Azira Azreen Zulhisham.

Memperoleh ilmu asas fertigasi menerusi kursus

anjaran Pusat Latihan Formenlaga pada 2019, Sharil Azrin kini mempunyai 600 pokok sayuran yang majoritinya pokok cili selain pokok terung, timun, dan rock melon yang ditanam dengan teknik fertigasi.

Antara jenis pokok cili

yang ditanam di Rumah Pokok ialah cili api jenis bara, cili Thai (Sakata 508), cili besar (Sakata 461) yang masing-masing mempunyai kelebihan dari segi rasa selain sentiasa mendapat permintaan ramai.

Setiap pokok cili yang di-

tanam melalui teknik fertigasi ada tempoh enam bulan dikira sebagai satu musim dan anggaran purata cili dihasilkan setiap pokok 1,000 biji dengan berat keseluruhan antara satu hingga 1.5 kilogram.

Bellau berkata, hasil Rumah Pokok mempunyai pelanggan tetap terutamanya pengusaha restoran berdekatan, pembuat sambal yang sentiasa memborong cili api

bara dan orang ramai tinggal di kawasan sekitar menerusi promosi jualan dibuat sepenuhnyanya menerusi laman Facebook Rumah Pokok.

"Pengambilan pesanan untuk jualan cili dibuat setiap Isnin hingga Jumaat ma-

nakala hujung minggu ditetapkan untuk memetik dan menghantar stok kepada pembeli," katanya yang mengajikan tiga pekerja bagi memetik cili dengan upah RM4 bagi setiap kilo cili yang dipetik.

Sharil Azrin pada masa sama bersedekah hasil kebunnya kepada bank makanan berdekatan taman, selain mengedarkannya ke rumah anak yatim.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	muka SURAT
24/9/2021	SINAR HARIAN	NEGERI TERENGGANU, KELANTAN	27

‘Harga ayam turun, tapi masih mahal’

Peniaga harap kerajaan dapat terus memantau isu harga ayam ini

Oleh NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU

Peniaga makanan di negeri ini mengakui harga ayam segar menunjukkan penurunan selepas beberapa tindakan diambil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Hasil tinjauan di beberapa lokasi jualan ayam segar termasuk di Pasar Payang pada Khamis mendapati kebanyakan harga jualan antara RM8.50 hingga RM9.50 sekilogram (kg) berbanding RM10 sebelum ini.

Walaupun berlaku penurunan sekitar 50 sen hingga RM1.50 bagi setiap 1kg ayam segar, peniaga menyifatkan harga itu

masih berada pada paras tinggi berbanding harga biasa yang diperoleh sebelum berlaku peningkatan mendadak harga ayam sejak awal bulan ini.

Peniaga kedai makan, Nor Harizan Hassan, 41, berkata, perniagaan makanan yang diusahakannya terkesan dengan kenaikan harga yang berlaku.

“Sebelum ini, saya agak ter- tekan dengan harga yang tinggi sehingga mencecah RM10, na- mun sekarang berlaku penurunan sedikit daripada RM10 se- kilogram kepada RM8.50 hingga RM9.50. Hari ini, saya beli ayam harga runcit RM9.20 manakala harga borong RM8.20.

“Memang ada penurunan te- tapi saya yakin kebanyakan peng- guna lain turut mengakui harga ayam buat masa ini masih mahal berbanding harga biasa iaitu RM7.50 dan RM6 seperti se- belum ini.

“Kalau boleh kita harap kera- jaan dapat terus memantau harga ayam ini supaya peniaga dan peng-



Ramli menjalankan peniagaan sate di Chabang Tiga, Kuala Terengganu.

beli ayam di pasar borong pula boleh dapat dalam RM8 untuk sekilogram.

“Saya bersyukur kerana pihak kerajaan tidak memandang sepi isu ini dan terus bertindak. Kita harap kerajaan dapat terus mema- tau isu harga ayam ini,” katanya.

Pada Selasa, KPDNHEP Te- rengganu memaklumkan seramai 33 peniaga terdiri daripada 31 peruncit dan dua pemborong

menerima surat pemberitahuan berhubung kenaikan harga jualan ayam segar sehingga mencecah RM10 sekilogram.

Surat pemberitahuan di ba- wah Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 iu dikeluarkan setelah mendapat maklum balas daripada 47 Notis Pengesahan Maklumat Barangan (NPMB) yang diedarkan sejak 12 hingga 20 September lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	muka SURAT
24/9/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	12

KPDNHEP beri jaminan bekalan sayur seluruh negara mencukupi



FOTO: BERKATA

Kenaikan harga lima jenis sayur seperti sawi, cili, lada benggala dan beberapa jenis salad adalah kes lokaliti dan tiada kena mengena dengan kejadian tanah runtuh di Cameron Highlands.

PUTRAJAYA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan sayur-sayuran di pasaran tempatan tidak terjejas walaupun berlaku kejadian tanah runtuh di Jalan Simpang Pulai - Blue Valley menghala ke Cameron Highlands, Pahang.

KPDNHEP menerusi kenyataan pada Khamis berkata, Jabatan Kerja Raya Daerah Kinta, Perak maktumkan Jalan Persekutuan FT 059 Jalan Tapah - Cameron Highlands dikenal pasti sebagai laluan alternatif membawa sayur-sayuran hasil dari ladang di Cameron

Highlands dan kawasan sekitar ke pusat pengedaran di seluruh negara.

Menurut kenyataan itu, kenaikan harga lima jenis sayur yang dilaporkan di akhbar seperti sawi, cili, lada benggala dan beberapa jenis salad adalah kes lokaliti dan tiada kena mengena dengan kejadian tanah runtuh.

"Ya turut disahkan oleh Setiausaha Agung, Persekutuan Persatuan-Persatuan Pekabun Sayur Malaysia yang harga sawi naik hari ini dan turun keesokan harinya bergantung kepada permintaan dan harga akan stabil jika cuaca sudah pulih," katanya.

Kenyataan itu turut membertahu, pemeriksaan oleh penguat kuasa KPDNHEP pada 21 September lalu ke atas 685 premis meliputi semua rantaian bekalan iaitu di peringkat pengeluar, pemborong dan peruncit mendapati, bekalan sayur-sayuran di pasaran stabil dan mencukupi.

"Peniaga sayur dimasihkan tidak menaikkan harga sewenang-wenangnya dan penggunaan diminut turut memantau serta menyalurkan maklumat secara rasmi berkaitan salah laku peniaga yang melanggar undang-undang di bawah bidang kuasa KPDNHEP," katanya.

Bekalan sayur-sayuran dari Cameron Highlands tidak terjejas



SAYUR-SAYURAN dari Cameron Highlands diedarkan ke seluruh negara seperti biasa. - GAMBAR FAIL

PUTRAJAYA - Bekalan sayur-sayuran bagi pasaran tempatan tidak akan terjejas ekoran kejadian tanah runtuh di Jalan Sim-pang Pulau-Blue Valley menghala ke Cameron Highlands baru-baru ini.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ekuwal Pengguna (KPDNHEP) dalam satu kenyataan berkata, pihaknya telah menghubungi Jabatan Kerja Raya Daerah Kinta dan dimaklumkan bahawa Jalan Persekutuan FT 059 Jalan Tapah Cameron Highlands telah dikenal

pasti sebagai laluan alternatif.

Katanya, laluan itu boleh digunakan untuk membawa sayur-sayuran hasil dari ladang-ladang Cameron Highlands dan kawasan sekitarnya ke pusat-pusat pengedaran di seluruh negara.

"KPDNHEP memberi jaminan bahawa bekalan sayur-sayuran bagi pasaran tempatan adalah tidak terjejas.

"Pengguna dan peniaga yang menggunakan bahan mentah tersebut diminta tidak panik serta situasi ini tidak boleh dijadikan alasan oleh peniaga

sayur-sayuran untuk menaikkan harga di pasaran," katanya.

Menurut kenyataan itu, berdasarkan pemeriksaan KPDNHEP pada 21 September lalu ke atas 685 premis meliputi semua rantaian bekalan iaitu di peringkat penge-huar, pemborong dan peruncit, bekalan sayur-sayuran di pasaran adalah stabil dan mencukupi.

Katanya, kenaikan harga lima jenis sayur seperti sawi, cili, lada benggala dan beberapa jenis sa-lad adalah kes lokaliti dan tiada kena mengena dengan kejadian tanah runtuh yang berlaku.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/9/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32



MD. Salleh Abd. Rashid (kiri) menunjukkan lalat yang memenuhi pelekat yang diletakkan selama kira-kira tiga jam ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Ulu Yuh Baru, Tampin semalam. - UTUSAN/NOR AINNA HAMZAH

Penduduk kampung resah diserang lalat

⁺ Oleh NOR AINNA HAMZAH
utusannews@mediamulia.com.my

TAMPIN: Penduduk di Kampung Ulu Yuh Baru, di sini, resah apabila penempatan mereka sering diserang lalat sejak lima tahun lalu sehingga mengganggu dan menjejaskan aktiviti harian masing-masing.

Mereka mendakwa, masalah lalat tersebut adalah berpunca daripada aktiviti penternakan ayam yang terletak tidak jauh dari kampung tersebut.

Salah seorang daripada mereka, Maslina Rahmat, 46, berkata, dia sudah menetap di kampung itu sejak lima tahun lalu dan turut memulakan perniagaan ke-

dai makan secara kecil-kecilan di rumahnya.

Menurutnya, setiap bulan dia membelanjakan sebanyak RM75 semata-mata untuk membeli pelekat bagi memerangkap lalat.

"Dalam masa tiga jam sahaja, perangkap lalat boleh penuh. Keadaan ini tentunya menimbulkan rasa kurang selesa pelanggan, namun, apa lagi saya boleh buat, inilah masalah yang kami terpaksa dilalui," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Sementara itu, Pengerusi Masjid Kariah Ulu Yuh Baru, Md. Salleh Abd. Rashid berkata, dianggarkan 50 daripada 90 buah rumah penduduk terjejas

dengan kehadiran lalat.

Ia berlaku setiap kali pemilik reban ayam yang terletak lebih 400 meter daripada kampung tersebut membuat kerja-kerja pembersihan setelah ternakan mereka dibawa keluar dari reban.

Menurutnya, reban berkenaan sudah beroperasi lebih 10 tahun, namun, masalah lalat semakin teruk sejak lima tahun lalu malah binaan reban juga makin bertambah.

"Kami tidak mahu menyalahkan mana-mana pihak namun berharap masalah lalat ini dapat diselesaikan kerana ia sudah berlanjutan agak lama sehingga menimbulkan keresahan penduduk," katanya lagi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/9/2021	FREE MALAYSIA TODAY	ONLINE	

Camerons landslide has not affected vege supply, says ministry

FMT Reporters



The price increase for five types of vegetables, including sawi, chili and capsicum, had nothing to do with the landslide, according to the domestic trade and consumer affairs ministry.

PETALING JAYA: The supply of vegetables to local markets has not been affected by the recent landslide on the Jalan Simpang Pulai-Cameron Highlands route.

The domestic trade and consumer affairs ministry said it was informed by the Kinta district Public Works Department (JKR) that the alternative route from Tapah to Cameron Highlands would be used instead.

"The ministry would like to assure that the supply of vegetables for local markets is not affected.

"Consumers and traders who use these raw produce are asked not to panic. This situation should not be used as an excuse by vegetable traders to increase prices in the market," it said in a statement.

The ministry added that it had conducted a survey on 685 premises and found that there was adequate and stable vegetable supply. According to the ministry, the price increase for five types of vegetables – including sawi, chili and capsicum – had nothing to do with the landslide.

It said this was also confirmed by the Federation of Malaysian Vegetable Growers Association which stated that vegetable prices depended on demand and that prices should be stable if the weather improved.

On Saturday, a landslide was reported at Jalan Simpang Pulai-Cameron Highlands, forcing the authorities to close the road.

According to the Kinta district JKR, the landslide involved a 30m road stretch with a depth of 4.57m. It was likely due to continuous rain which caused the soil structure to become weak and unstable.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/9/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Keselamatan makanan di era COVID-19: Cabaran dan Prioriti



Oleh Dr Mohammad Fazrul bin Mohammad Basir dan Prof Madya Dr Nik Rosmawati Nik Husain

Keselamatan makanan adalah isu yang penting dan perlu diberi perhatian oleh setiap industri makanan di Malaysia dan juga seantero dunia. Pertubuhan Makanan dan Pertanian Sedunia (Food and Agriculture Organization – FAO) menyatakan skop keselamatan makanan bukan sekadar memastikan proses pengendalian, penyimpanan dan penyediaan makanan bebas dari sebarang bahaya kepada manusia, tetapi turut memastikan kandungan nutrien yang tinggi selaras dengan pemakanan sihat. Hakikatnya, pencemaran makanan dapat berlaku di setiap peringkat dalam rantai penyediaan makanan, bermula dari ladang hingga ke dalam pinggan, samada di rumah mahupun di kedai makan.

Kawalan dan pemantauan terhadap keselamatan makanan di Malaysia telah lama bertapak dengan kewujudan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia. Namun, kehadiran pandemik COVID-19 di penghujung 2019 sehingga kini masih menjadi krisis kesihatan yang merencat kegiatan ekonomi, pembangunan, dan sosial masyarakat di semua sektor. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah berjalan di Malaysia sebagai langkah kawalan bagi menangani peningkatan kes COVID-19 telah menjadi cabaran utama kepada prosedur kawalan keselamatan makanan. Cabaran yang dimaksudkan adalah berkaitan dengan pengurangan aktiviti penguatkuasaan, pemeriksaan premis makanan yang terhad, mobilisasi pegawai penguatkuasa serta keterbatasan aktiviti promosi secara fizikal yang sebahagian besar dihadkan di bawah peraturan Perintah Kawalan Pergerakan.

Prosedur pemeriksaan premis makanan adalah tertakluk di bawah Akta Makanan 1963 yang memberi kuasa kepada pegawai iaitu Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP) untuk memasuki premis makanan bagi menilai dan memastikan tahap kebersihan dan keselamatan makanan yang disediakan kepada pengguna. Bukan sekadar pergerakan pegawai yang terbatas lantaran PKP, keutamaan mereka di era pandemik COVID-19 telah banyak dimobilisasi bagi membantu menangani peningkatan mendadak kes COVID-19 di lapangan.

Ini kerana skop tugas mereka juga tertakluk kepada akta lain berkaitan kesihatan awam antaranya adalah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. Maka, banyak premis makanan yang tidak dapat dilakukan pemeriksaan kebersihan dan juga akan terhad dari sudut pemantauan amalan kebersihan pengendali makanan. Pengambilan sampel makanan untuk pemeriksaan makmal bagi menilai tahap kebersihan dan keselamatan makanan tersebut juga turut terbantut dan berkurangan.

Memandangkan sektor makanan merupakan salah satu sektor perlu (essential service) semasa PKP ini yang setanding dengan sektor kesihatan, keselamatan dan peruncitan, maka aktiviti penghasilan dan penjualan makanan akan terus berjalan. Maka, tidak hairan andainya situasi ini menjadi peluang keemasan bagi industri makanan memasarkan produk makanan tanpa menitik berat kepada kualiti dan keselamatan makanan tersebut.

Tambahan lagi, peningkatan jualan makanan secara atas talian sepanjang pandemik ini lagi menyukarkan pihak penguatkuasa melakukan pemantauan. Cabaran seterusnya dalam memastikan keselamatan makanan ketika era pandemik COVID-19 adalah ketidaktentuan maklumat berkenaan keselamatan makanan. Persoalan ini sering timbul dalam masyarakat umum berkenaan potensi makanan sebagai sumber penularan virus SARS-CoV-2. Selain itu, persoalan dan pertanyaan ini juga timbul daripada pelbagai pihak lain terutama pengguna dan industri makanan.

Atas apa alasan sekalipun, faktor keselamatan makanan tidak boleh menjadi taruhan. Promosi keselamatan dan kualiti makanan harus dipertingkatkan melalui pelbagai media sosial. Sasaran maklumat ini akan lebih mudah diterima oleh golongan muda yang celik teknologi, dan hakikatnya golongan inilah yang banyak menggunakan khidmat pesanan secara atas talian. Pendidikan terhadap keselamatan makanan yang dibeli secara atas talian ini amat penting agar peristiwa keracunan makanan yang melibatkan kematian akibat dari puding buih pada tahun 2020 tidak akan berulang.

Bagi menangani sebaran maklumat yang kurang tepat, Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama pelbagai kementerian dan jabatan kerajaan yang lain dilihat telah mengembeleng usaha dan tenaga untuk terus berinteraksi dengan masyarakat melalui pelbagai cara antaranya media massa, media sosial dan talian bantuan. Kuwujudan laman sesawang khas bagi COVID-19 dan laman sesawang sehati bagi semua media promosi keselamatan makanan dilihat mampu mengurangkan kekusaran masyarakat dalam isu keselamatan makanan.

Berdasarkan kajian terbaru yang dijalankan di Amerika pada tahun ini yang melibatkan lebih 3500 responden secara atas talian, sebahagian besar responden menyatakan sumber maklumat berkaitan keselamatan makanan dari pihak berkuasa lebih dipercayai dan diyakini. Maka, pihak berkaitan keselamatan makanan terutamatanya KKM perlu melipat ganda usaha dan menyalurkan maklumat kepada masyarakat awam. Dalam masa yang sama, setiap masyarakat yang menjadi pengguna kepada media baru ini haruslah menyaring sebaik mungkin semua maklumat yang diperolehi, memastikan kesahihan maklumat, dan bijak memilih sumber maklumat yang dirujuk.

Perasaan gelisah dan kluatir berkaitan risiko penularan COVID-19 melalui makanan tidak wajar dipandang remeh. Langkah yang lebih berhati-hati dan komprehensif dalam memantau keselamatan makanan di sepanjang rantai proses menghasilkan produk makanan perlu ditingkatkan. Walaupun belum ada bukti yang kukuh berkaitan penyebaran virus SARS-CoV-2 melalui produk makanan, tetapi bukti saintifik secara jelas menyatakan bahawa virus ini boleh ditular melalui pencemaran makanan. Justeru itu, satu penelitian ilmiah yang dilaporkan di dalam jurnal berwasit menekankan kepada perlunya penyelidikan mendalam bagi mencari kaedah terbaik dan mudah untuk mengesan virus ini dalam produk makanan.

Laporan ini juga menggesa pihak berkuasa untuk melakukan pemantauan yang lebih serius terhadap industri makanan bagi meningkatkan tahap kebersihan makanan dan mengurangkan tempoh pendedahan kepada pekerja. Isu ini dilihat amat penting bila mengambil kira agenda negara yang akan beralih dari fasa pandemik ke fasa endemic dalam masa terdekat. Bila memasuki fasa endemic, pemantauan data yang berterusan dari pelbagai sumber dan kewujudan sistem amaran awal perlu dilihat sebagai satu keutamaan bagi membantu mencegah wabak COVID-19 dengan cepat dan efektif.

Mutakhir ini, restoran telah dibenarkan beroperasi dan menjual makanan termasuklah secara dine-in. Pasar pagi, pasar tani dan kedai yang menjual barangan mentah dan peruncitan turut dibuka bagi memacu ekonomi negara. Maka, semestinya setiap pengguna dan pembeli perlu sentiasa berhati-hati dalam memilih makanan, barangan mentah dan kedai yang akan dikunjungi.

Bukan sekadar melihat kepada amalan SOP bagi mengelak berlakunya jangkitan COVID-19, tetapi kebersihan makanan dan premis perlu dititik berat. Sebagai contoh, jika pengguna ingin dine-in di restoran, maka lakukan penilaian sendiri sebaik mungkin seperti menilai tahap kebersihan restoran tersebut, perhatikan amalan kebersihan pengendali makanan, lihat suasana persekitran agar jauh dari pencemaran dan tiada kehadiran lalat dan sebagainya.

Secara kesimpulannya, Pandemik COVID-19 belum nampak akan berakhir dalam masa terdekat. Dengan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh pihak berkuasa dan bertanggungjawab, maka semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing bagi memastikan makanan di pasaran adalah selamat. Sudah pasti, tanggungjawab terpenting adalah di bahu pengguna. Buatlah pilihan yang bijak berdasarkan ilmu yang tepat yang diperolehi dari sumber yang sah.

Dr. Mohammad Fazrul bin Mohammad Basir (MD, MPH)
Sarjana Kesihatan Awam, Universiti Sains Malaysia (USM)

Prof Madya Dr Nik Rosmawati Nik Husain (MD, MCM, PhD)
Pensyarah Perubatan, Jabatan Perubatan Masyarakat, Pusat Pengajian Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia (USM)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/9/2021	BERNAMA.COM	ONLINE	

Rumah pokok, ilham eksekutif berjinak dengan tanaman cili

Oleh Thiviyamalini Ramalu



CYBERJAYA, 23 Sept — Di tanah seluas suku ekar berdekatan Taman Pinggiran Cyber di sini, kelihatan deretan pokok cili dalam polibeg dengan teknik fertigasi, yang diusahakan oleh Sharil Azrin Damiri, seorang eksekutif di Petronas.

Berjinak dengan tanaman cili secara fertigasi di kawasan rumah dengan 20 pokok cili pada permulaannya, Sharil Azrin, 31, mendapat ilham mengusahakan Rumah Pokok iaitu sebuah kebun komuniti yang diusahakan secara kecil-kecilan, bagi tujuan komersial sejak Jun 2020.

Bercakap dengan Bernama baru-baru ini, bapa kepada dua anak itu berkata minat untuk bercucuk tanam timbul sejak beliau berumur 18 tahun, dan kini ia dapat direalisasikan menerusi Rumah Pokok.

“Kerjaya saya memerlukan saya ‘terbang’ ke luar negara, namun akibat kekangan pandemik COVID-19, saya berada lebih masa di rumah di samping keluarga.

“Jadi, peluang ini dapat digunakan sebaiknya bagi memberikan fokus sepenuhnya kepada Rumah Pokok walaupun bekerja sepenuh masa,” katanya yang turut dibantu isterinya Nurul Azira Azreen Zulhisham.

Memperolehi ilmu asas fertigasi menerusi kursus anjuran Pusat Latihan Formeniaga pada 2019, Sharil Azrin kini mempunyai 600 pokok sayuran yang majoritinya pokok cili selain pokok terung, timun, dan rock melon yang juga ditanam dengan teknik fertigasi.

Antara varieti pokok cili yang ditanam di Rumah Pokok ialah cili api jenis bara, cili Thai (Sakata 508), cili besar (Sakata 461), yang masing-masing mempunyai kelebihan dari segi rasa selain sentiasa terdapat permintaan daripada orang ramai.

Setiap pokok cili yang ditanam melalui teknik fertigasi mempunyai tempoh enam bulan yang dikira sebagai satu musim, dan anggaran purata cili yang dihasilkan setiap pokok adalah 1,000 biji dengan berat keseluruhan antara satu hingga 1.5 kilogram.

Beliau berkata hasil Rumah Pokok mempunyai pelanggan tetap terutamanya pengusaha restoran berdekatan, pembuat sambal yang sentiasa memborong cili api bara dan juga orang ramai yang tinggal di kawasan sekitar, menerusi promosi jualan dibuat sepenuhnya menerusi laman Facebook Rumah Pokok.

“Pengambilan pesanan untuk jualan cili dibuat setiap Isnin hingga Jumaat manakala hujung minggu ditetapkan untuk memetik dan menghantar stok kepada pembeli,” katanya yang menggajikan tiga pekerja bagi memetik cili dengan upah RM4 bagi setiap kilo cili yang dipetik.

Sharil Azrin pada masa sama turut bersedekah hasil kebunnya kepada bank makanan berdekatan taman, selain mengedarkannya ke rumah anak yatim.

Bagi mengekalkan kesegaran dan kelestarian tanaman Rumah Pokok, Sharil Azrin beralih daripada penggunaan racun kimia kepada racun organik buatan sendiri, yang dipelajari dari seorang ahli agronomi.

Bahan racun organik yang digunakan antaranya daun limau purut, cili api, rokok daun tembakau dan sabun pencuci pinggan yang diperap seminggu, dikisar, ditapis dan cecairnya digunakan bagi semburan pada keseluruhan bahagian pokok.

“Beza penggunaan racun organik ialah disembur hampir empat hingga lima kali seminggu berbanding racun kimia setiap dua minggu sekali. Lagipun, Rumah Pokok menggunakan slogan ‘Murah, Segar dan Selamat’ dan pelanggan pun menyukai sayuran organik,” katanya.

Selain menjual sayur-sayuran, Sharil Azrin turut menjual semaian pokok cili serta anak pokok yang dihantar ke nurseri.

“Sebagai rancangan jangka panjang, saya mahu memiliki tanah milik sendiri bagi penanaman cili teknik fertigasi, kerana cili merupakan sayur yang sentiasa ada permintaan,” katanya yang melaburkan simpanan sendiri kira-kira RM5,000 bagi mengusahakan Rumah Pokok.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/9/2021	BERNAMA.COM	ONLINE	

Deep interest prompts Petronas executive to venture into chilli farming

By Thiviyamalini Ramalu



CYBERJAYA, Sept 23 -- Sharil Azrin Damiri's keen interest in farming prompted him to venture into the field using the fertigation technique for commercial purposes since June last year.

Starting with only 20 chilli trees which were planted in the compound of his house, the Petronas executive has expanded his community garden project called Rumah Pokok on a quarter-acre plot near Taman Pinggiran Cyber here.

"My job requires me to travel overseas a lot but due to the COVID-19 pandemic, I have been forced to spend more time at home.

"That was when I decided to expand my Rumah Pokok assisted by my wife Nurul Azira Azreen Zulhisham," he told Bernama recently.

Sharil Azrin who attended a course on fertigation organised by the Formeniaga Training Centre in 2019, now has cultivated 600 plants, the majority of which are chillies as well as eggplant, cucumber, and rock melon which are also planted using the fertigation technique.

Among the variety of chillies grown at Rumah Pokok are 'cili api bara', Thai chillies (Sakata 508), red chillies (Sakata 461) which have different tastes from one another and are always in high demand.

Sharil Azrin said through the fertigation technique, he is able to harvest 1,000 or 1.5 kg of chillies from each tree in six months.

He said Rumah Pokok's produce would be sold to its regular customers, especially nearby restaurant operators, sambal makers and also end users around the residential area with promotions were made entirely through Facebook.

"We will take orders from Monday to Friday and deliver the chillies to customers on weekends," said Shahril Azrin who now has three workers.

To give back to the community, Sharil Azrin who had spent RM5,000 on Rumah Pokok said he would also donated his agricultural produce to a food bank set up near the residential area as well as orphanages.

In his effort to ensure sustainable agriculture, Sharil Azrin said Rumah Pokok used homemade organic pesticides which he learnt from an agronomist.

He said among the ingredients used to make the organic pesticides were kaffir lime leaves, chillies, dishwashing soap that would be mixed together and let sit for a week.

The mixture would then be ground and filtered before being sprayed on the plants, he added.

"The organic pesticides can be applied almost four to five times a week compared to chemical pesticides that are used every two weeks only.

"The use of the organic pesticides is also in line with Rumah Pokok's slogan, namely 'Murah, Segar dan Selamat' (Cheap, Fresh and Safe)," said Sharil Azrin who also sells chilli seedlings to nurseries around the area.

-- BERNAMA

Headline	'Selesai segera isu harga ayam'		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Sep 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	14	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	407 cm ²
Journalist	Tuty Haryanti Ahmad Rodzi	AdValue	RM 13,477
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,431



'Selesai segera isu harga ayam'

FOMCA minta wujud sistem subsidi agar tak beban pengguna

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) mahu ayam tidak ditetapkan pada harga yang tidak membebaskan seintia pilink.

Tubuhan Presiden FOMCA, Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata isu kenaikan harga ayam hingga mencecah lebih RM10 sekilogram perlu diselesaikan segera.

"Kita berpendapat mungkin RM8.50 hingga RM9 sekilogram adalah harga yang tidak membebaskan mana-mana pihak. Malah, pengguna, peniaga dan penternak juga boleh menerima harga sedemikian," katanya.

Mohd Yusof turut mencadangkan supaya KPDNHEP mewujudkan

kan sistem subsidi terhadap harga ayam.

"Kerajaan boleh cuba menggunakan mekanisme yang sama digunakan ketika ini untuk subsidi petrol. Jika harga ayam melebihi yang ditetapkan, kerajaan boleh memberikan subsidi dan jika lebih rendah tidak perlukan subsidi," katanya semalam.

Kelmarin, media melaporkan, penternak ayam di seluruh negara bersetuju untuk menurunkan harga ayam pada peringkat ladang dan pengeluaran, sekali gus membolehkan pengguna mendapatkan bahan makanan itu dengan harga berpatutan.

Dalam kenyataan bersama semalam, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi serta Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kinane, berkata persetujuan itu dicapai pada mesyuarat libat urus yang diadakan dua kementerian itu bersama penternak ayam seluruh negara, kelmarin.

Selain itu, Mohd Yusof berkata, jika isu harga ayam naik kerana faktor makanan dan ubat-ubatan



Peniaga ayam bersetuju jualan runcit ayam mula dijual di antara RM8.50 sehingga RM9.50 sekilogram. (Foto Fadz Aziz/BH)

ternakan yang mahal kerana diimport dari luar negara, penternak boleh mengambil inisiatif menggunakan produk tempatan.

Ketika ini, katanya, sudah ada banyak pihak yang mengeluarkan produk makanan ternakan tempatan, malah lebih murah.

Beliau juga berharap kerajaan juga melihat isu orang tengah yang kadangkala mengambil kesempatan menaikkan harga ayam.

"Walaupun harga ditentukan penternak, sebelum sampai kepada peruncit (mungkin) orang tengah akan naikan dahulu. Jadi, perlu juga diteliti perkara ini dan ditentukan bagaimana mahu memastikan harga itu munasabah kepada pengguna dan pengeluaran," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRESMA), Datuk Jawahar Ali Taib Khan, berkata

persetujuan penternak ayam di seluruh negara menurunkan harga pada peringkat ladang dan pengeluaran, melegakan ahli persatuan itu.

Beliau berkata, ketika ini pengusaha restoran tiada pilihan dan terpaksa membeli daripada pembekal walaupun pada harga tinggi untuk meneruskan perniagaan.

"Ramai pengusaha restoran yang terjejas ketika ini kerana mendapat bekalan ayam dengan harga yang tinggi, namun terpaksa menjual pada harga sama kerana tidak boleh sesuka hati menaikkan harga makanan," katanya kepada BH.

Mengulas lanjut, Jawahar Ali berkata, kerajaan perlu menetapkan harga siling ayam seperti yang ditetapkan dalam Skim Harga Maksimum Musim Perayaan.

"Penetapan harga itu perlu dibuat sepanjang masa dan bukan hanya menunggu pada musim perayaan sahaja. Penetapan harga ini juga bukan sahaja perlu dibincang antara kerajaan dengan penternak sahaja, tetapi turut melibatkan banyak pihak termasuk pengusaha kedai makan," katanya.

Headline	Harga sayur, ayam resahkan pengguna		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Sep 2021	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	18	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	313 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,283
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,849



Harga sayur, ayam resahkan pengguna

Seremban: Kenaikan mendadak harga ayam segar dan beberapa jenis sayur dan telur ayam di sekitar daerah ini memberi kesan kepada ramai pengguna termasuk peniaga kecil.

Tinjauan di beberapa pasar awam mendapati harga ayam meningkat antara RM9 hingga RM11 sekilogram (kg) berbanding RM7.50 sebelum ini.

Harga beberapa jenis sayur dilihat mengalami kenaikan tinggi antaranya timun yang dijual pada harga RM4.50 sekilogram (kg) berbanding RM3 sebelum ini diikuti kacang panjang RM10 kg (RM7 kg sebelum ini).

Turut meningkat naik ialah cili api merah dan hijau yang dijual pada harga RM14.99 kg (RM12 kg sebelum ini) manakala sawi dijual RM4.99 kg berbanding RM3.50 sebelum ini.

Pengerusi Persatuan Pen-

jaja, Peniaga dan Pengusaha Kecil Negeri Sembilan (PPPKNS) Cawangan Seremban, Mohamad Yusoff berkata, kenaikan barangan berkenaan memberi kesan bukan sahaja kepada suri rumah malah peniaga kecil.

Beliau berkata, kenaikan harga ayam sememangnya sudah dijangka yang mungkin disebabkan harga dedak sebagai makanan ayam meningkat.

"Bagaimanapun, kenaikan harga sayur menimbulkan resah dalam kalangan pengguna kerana kenaikannya agak tinggi dan membebankan.

"Berdasarkan maklumat, kita dapati kenaikan harga sayur ini dipercayai berpunca daripada pembekal," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Menurutnya, ketika ini harga telur ayam gred C juga tinggi dengan kadar harga gred A sebelum ini.

Mohamad berharap

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dapat membuat pemantauan jika berlaku aktiviti manipulasi harga barangan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Kami berharap KPDNHEP dapat bertindak terhadap isu harga ayam, telur dan sayur ini kerana ia beri kesan kepada ramai pengguna termasuk peniaga kecil," katanya.

Suri rumah, Siti Zaleha Abd Jalil, 55, berkata, berlaku perbezaan harga ayam dan sayur-sayuran sejak beberapa minggu lalu.

"Harganya ayam agak tinggi meningkat sekitar 30 peratus namun sebagai pengguna tiada pilihan dan sebagai langkah terbaik kami terpaksa berjimat dan kena bijak berbelanja.

"Saya harap keadaan ini bersifat sementara kerana kenaikan itu memberi kesan kepada kos belanja da-

pur," katanya.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, baru-baru ini dilaporkan berkata, kenaikan harga makanan ayam yang mempengaruhi harga hasil ternakan itu bersifat sementara.



24/9/2021

BERITA
HARIAN

NASIONAL

14

Tanah runtuh di Jalan Simpang
Pulai-Cameron Highlands

Bekalan sayur dijamin tidak terjejas

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjamin bekalan sayur-sayuran tidak terjejas walaupun berlaku tanah runtuh di Jalan Simpang Pulai - Cameron Highlands.

KPDNHEP dalam kenyataan berkata, Jabatan Kerajaan Raya Daerah (JKR) Kin- ta, Perak memaklumkan Jalan Persekutuan RT 059 Jalan Tapah - Cameron Highlands menjadi laluan alternatif untuk membawa sayur-sayuran dari ladang di Cameron Highlands ser- ta kawasan sekitar ke pu- sat pengedaran di seluruh negara.

Kenaikan harga lima ba- rang yang dilaporkan sebelum ini membabitkan sayuran jenis sawi, cili, la- pa benggala serta bebera- pa jenis salad itu adalah kes lokaliti dan tidak ber- kait dengan kejadian ta- nah runtuh berkenaan.

"Perkara ini turut disah- kan Setiausaha Agung, Persekutuan Persatu- an-Persatuan Pekebun Sa- yur Malaysia bahawa har- ga sawi naik hari ini dan turun keesokan harinya bergantung kepada per- mintaan, manakala harga akan stabil jika cuaca pu- lih.

"Berikutan itu, peniaga sayur dinasihatkan tidak menaikkan harga sa- yur-sayuran dengan sew-angnya dan pengguna di- minta untuk turut sama memantau serta meny- lurkan maklumat aduan secara rasmi berkaitan sa- lah laku peniaga yang me- langgar undang-undang di bawah bidang kuasa KPD- NHEP melalui saluran aduan yang disediakan oleh pihak Kementerian," katanya.

Pada 18 September lalu, media melaporkan laluan Persekutuan dari Simpang Pulai ke Blue Valley, Came-

ron Highlands ditutup se- penuhnya kepada semua trafik berikutan kejadian jalan runtuh di Kilometer 43.95, akibat hujan lebat berterusan.

Kejadian di Kawasan Re- hat dan Rawat (R&R) Jalan Raya Simpang Pulai, mem- babitkan runtuh jalan sepanjang 30 meter.

KPDNHEP meminta pengguna dan peniaga un- tuk tidak panik dan situasi tanah runtuh itu tidak se- harusnya dijadikan alasan oleh peniaga untuk me- naikkan harga barangan mentah itu.

Dalam kenyataan berke- naan, Kementerian itu tu- rut memaklumkan hingga Selasa lalu, pemeriksaan terhadap 635 premis me- rangkumi semua rantaian bekalan iaitu di peringkat pengeluaran, pemborong dan peruncit mendapati beka- lian sayur-sayuran di pa- saran stabil dan mencu- kupi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/9/2021	NANYANG	ONLINE	

财经新闻

【独家】洗车服务遇 MCO 停业 兴都庙种辣椒赚经费



卡纳沙巴丹(左)与阿鲁姆根视察庙后方已开花的辣椒树，希望能协助庙宇赚取额外收入。

【路不转再转·系列 14】

独家报道：苏欣恩

冠病疫情爆发至今，不但影响国家经济，也波及各庙宇的收入骤减，在柔佛新山就有一间兴都庙为了维持营运推陈出新，继启动洗车服务后，再种植辣椒来协助庙宇赚取额外收入，体现了路不转再转的努力。

位于淡杯的斯里苏巴玛尼尔兴都庙早前于今年 3 月，在该庙主席阿鲁姆甘领导策划两个月后，正式经营洗车生意补贴开销。

该庙管理层是利用该庙后方的土地提供洗车服务，然而，我国疫情高烧不退，加上政府重启行动管控令 3.0，这个相信是全柔首个由庙方管理和经营的洗车生意，被迫暂停。

公众捐款减六成

阿鲁姆根接受《南洋商报》访问时透露，在管控令期间，该庙无法对外开放，所接收到的公众捐款大减至少六成。

该庙目前每个月至少需花费 5000 令吉，来支付 3 名员工薪资和水电费等开销。

“我们在今年 3 月尝试经营洗车生意，但因为政府又实施管控令 3.0，我们被迫关闭 3、4 个月而无法运作，收入来源受影响，于是决定转向农业来赚取收入。”

于是，在该庙秘书卡纳沙巴丹的领导下，这家印度庙开始利用庙后方之前用作停车场的空地，采用滴灌种植技术来种植辣椒。

通过滴灌系统的设置，拥有务农经验的他是根据网上搜寻的知识和技术，在该庙后方占地4500平方公尺的土地展开辣椒种植项目，初步阶段先种植约600棵辣椒。

卡纳沙巴丹指出，在现代农业中，滴灌系统的使用已愈趋普遍，滴灌是滴水灌溉的简称，是集现代农业与自动化技术的新科技技术。“我们使用可可泥炭种植辣椒，使用滴灌及有压输水，可以连同肥料(或农药)通过管路系统一起输送，向农作物供应水分和养分。”

他说，该庙目前安装的灌溉系统可以每天自动5次灌溉，每次大约3分钟，而目前他们每星期约施肥两次。在疫情下开始种植辣椒两个月，他难掩喜悦、边笑边说：“现在已经开花了，再等一个月就会结果收成。”

他认为上述种植技术确实如资料显示：节水、节能、省肥、省工，“最主要是自动化可以节省劳动力，可由一人负责监督即可。”



疫情之下，斯里苏巴玛尼尔兴都庙和多数庙宇一样，面对公众捐款减少的问题。

考虑种其他蔬菜

兴都庙管理层委员早前合资出了7000令吉来展开辣椒种植项目，接下来将视市场价格而定，或考虑种植茄子、羊角豆等。卡纳沙巴丹透露，一旦下个月起辣椒陆续有收成，售价可达每公斤18令吉，庙方是考虑售给本地批发商。

“我们估计种辣椒可以分3次收成，之后再看市场价格好不好，考虑种黄瓜、茄子或羊角豆。”

虽然目前未听闻新山有其他庙宇这么做，但他认为，农业种植是在疫情下一个开拓收入来源的管道，他认为受疫情冲击的民众大可善用住家的土地，或甚至租地来种植农作物赚钱。

“你看现在很多年轻人已经开始尝试现代农业，有的人也去上课程学习，因为要搞好农业不只是播种和浇水而已。”